

12 OCT 1997

Mahathir-sokong

PELBAGAI PIHAK SOKONG DR MAHATHIR

LANGKAWI, 12 Okt (Bernama) -- Kalangan politik, perniagaan dan persatuan di sini menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara.

Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid berkata rakyat negeri Kedah memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Dr Mahathir dan berdoa semoga Allah memberi kekuatan dan memanjangkan usia supaya dapat terus berfikir bagi menangani masalah itu.

Dengan doa itu, rakyat di seluruh negara akan terus menikmati kepimpinan Perdana Menteri yang telah banyak berbudi terutama kepada penduduk Langkawi, katanya semasa berucap pada majlis sambutan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini.

Ketua UMNO Bahagian Langkawi Datuk Abu Bakar Taib pula berkata Umno bahagian memberi sokongan padu dan sentiasa menyanjung tinggi kepimpinan Dr Mahathir yang sentiasa menjadi fokus antarabangsa.

Sokongan padu rakyat Langkawi terhadap Perdana Menteri terbukti apabila lebih 1,000 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan, anggota parti komponen Barisan Nasional (BN), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), pertubuhan sukarela dan swasta menyambut beliau sejurus tiba di sini.

Beliau yang diiringi Menteri Besar disambut oleh Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi Datuk Abdul Halil Mutalib dan Bakar yang juga Anggota Parlimen Langkawi.

Ketua MCA Langkawi, Tan Hong Eng berkata sambutan yang diadakan hari ini membuktikan rakyat memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dr Mahathir.

"Inilah caranya kita menunjukkan sokongan dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam menangani masalah yang melanda ekonomi negara", kata Tan yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Bakar Arang.

Katanya saranan Perdana Menteri supaya rakyat bersatu padu dan jangan menaikkan harga perlu diberi perhatian serius oleh rakyat.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Daerah Langkawi Osman Baba berjanji tidak akan mengambil peluang menaikkan harga barangan dalam keadaan sekarang.

Setiausaha Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) Abu Bakar Mohd Ali turut menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dalam menyelesaikan masalah itu. -- Bernama

ZI NH oba